

## BAB 2 : BIODATA AL-KHATĪB AL-SHIRBĪNĪ DAN PENGENALAN *AL-SIRĀJ*

### *AL-MUNĪR*

#### 2.1 Pendahuluan

Dalam bab yang kedua, penulis akan membentangkan latarbelakang al-Khaṭīb al-Shirbīnī dari sudut biografinya, keistimewaan beliau serta sumbangan-sumbangan beliau kepada masyarakat Islam khususnya dalam bidang keilmuan Islam. Seterusnya dalam bab ini juga penulis akan memperkenalkan kitab *al-Sirāj al-Munīr* dari aspek faktor-faktor penulisan, metodologi penyusunan kitab dan keistimewaan kitab ini.

#### 2.2 Biografi

##### 2.2.1 Nama penuh

Nama penuh beliau ialah Muḥammad bin Aḥmad al-Shirbīnī al-Qāhīrī al-Shāfi‘ī.<sup>84</sup> Dalam kitab *Shadharāt al-Dhahab*, nama penuh al-Khaṭīb al-Shirbīnī ialah Muḥammad bin Muḥammad.<sup>85</sup> Manakala dalam mukaddimah kitab *al-Sirāj al-Munīr*, al-Khaṭīb al-Shirbīnī menyebut nama beliau sebagai Muḥammad al-Khaṭīb al-Shirbīnī sahaja.<sup>86</sup> Penulis lebih cenderung kepada pendapat pertama iaitu nama penuh al-Shirbīnī ialah Muḥammad bin Aḥmad kerana banyak sumber yang meriwayatkannya.<sup>87</sup>

---

<sup>84</sup> ‘Umar Reḍā Kahhalah (1959), *op.cit.*, j. 8, h. 269

<sup>85</sup> Abī al-Falāh ‘Abd al-Ḥay bin al-‘Imād al-Hanbalī (1351 H), *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Min Dhahab*, j. 8, Mesir : Maktabah al-Qudsī, h. 384

<sup>86</sup> al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *al-Sirāj al-Munīr*, j. 1, Beirut: Dār al-‘Ihyā’ al-Thurath al-‘Arabī, h. 21.

<sup>87</sup> Contohnya: Hājī Khalifah (1982), *Kashf al-Zunūn ‘An Asāmī al-Kutub wa al-Funūj*.2, T.T.P: Dār al-Fikr, h. 1876. Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1979), *al-‘A‘lām Qāmūs Tarājim li ‘Athmar al-Rijāl wa al-Nisā’ Min al-‘Arab wa al-Musta‘ribīn wa al-Mustashriqīn*, j. 6, Beirut: Dār al-‘Ilm li Malāyīn, h. 6. Yūsuf al-Yāh Sarkīs (1928), *Mu‘jam al-Matbū‘āt al-‘Arabiyyah wa al-Mu‘arrabat*, j.1, Mesir: Matbū‘āt Sarkīs, h. 1108.

### 2.2.2 Gelaran dan keturunan

Nama gelaran beliau ialah Shams al-Dīn dan lebih dikenali dengan panggilan al-Khatīb al-Shirbīnī.<sup>88</sup> Kalimah al-Shirbīnī adalah nama gelaran kepada sekumpulan ahli fuqaha' dan ahli sastera yang dinisbahkan kepada sebuah bandar yang bernama Shirbīn (Mesir) sebagai tempat kelahirannya.<sup>89</sup>

### 2.2.3 Kelahiran dan kehidupan beliau

Sejarah kelahiran al-Khatīb al-Shirbīnī tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana sedikit maklumat berkenaan dengannya. Maklumat yang ada pada penulis ialah beliau dilahirkan di Mesir dan dibesarkan di Kaherah serta tarikh kematiannya iaitu pada tahun 977 Hijrah atau 1570 Masihi.<sup>90</sup> Melalui maklumat yang ada ini, penulis berpendapat bahawa al-Khatīb al-Shirbīnī dilahirkan di akhir kurun ke 15 atau di awal kurun ke 16 Masihi. Ini bermakna al-Khatīb dilahirkan pada akhir pemerintahan Kesultanan Mamālik (1250 – 1517 Masihi)<sup>91</sup> dan dibesarkan pada awal zaman Kerajaan 'Uthmāniah (1517 – 1924 Masihi).<sup>92</sup>

Kehidupan berkeluarga beliau tidak banyak diketahui. Beliau dipercayai mempunyai seorang anak yang bernama Zayn al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin al-Khatīb al-Shirbīnī. Anaknya juga dikatakan belajar daripada beliau yang juga merupakan seorang ahli fiqh yang terkemuka.<sup>93</sup>

---

<sup>88</sup> 'Umar Reḍā Kahhalah (1959), *op.cit.*, j. 8, h. 269

<sup>89</sup> Aḥmad 'Atiyatullah (1963), *op.cit.*, j.4, h. 292.

<sup>90</sup> Aḥmad 'Atiyatullah (1963), *op.cit.*, j.4, h. 269.

<sup>91</sup> Justun Piyat (1990), *al-Qāherah Madīnah al-Fan wa al-Tijārah*, Mustafā al-'Ibādī (terj.), T.T.P., h. 188

<sup>92</sup> Aḥmad Thalaby (1979), *Mawsū'ah al-Tārikh al-Islāmī*, Mesir: Maktabah al-Nahdah, j. 5, h.25.

<sup>93</sup> Aḥmad 'Atiyatullah (1963), *op.cit.*, j.4, h. 292.

#### 2.2.4 Sifat dan adab

Al-Khatib dikenali sebagai seorang yang saleh, warak dan banyak beribadah kepada Allah. Kesungguhan beliau dalam beribadah jelas kelihatan sewaktu bulan Ramadan iaitu bulan yang diwajibkan umat Islam berpuasa. Beliau akan beriktikaf di masjid dari awal Ramadan dan tidak akan keluar dari masjid kecuali selepas bersolat hari raya. Beliau berterusan di masjid pada bulan tersebut sebagai seorang hamba Allah yang sentiasa solat dan membaca al-Quran.<sup>94</sup> Kebiasaannya beliau beriktikaf di masjid al-Azhar sepanjang bulan Ramadan. Beliau dikatakan makan malam setelah selesai solat Tarawih dengan beberapa suapan yang ringkas untuk menghilangkan rasa lapar.<sup>95</sup>

Beliau juga dikatakan telah berjalan kaki menuju Kaabah untuk menunaikan haji. Beliau tidak menunggang apa-apa kecuali apabila merasa sangat letih.<sup>96</sup> Sewaktu perjalanan untuk menunaikan haji, beliau banyak membaca al-Quran, berzikir dan berselawat ke atas Rasulullah s.a.w. Beliau banyak melakukan tawaf sebagai satu ibadah sunat yang afdal dilakukan ketika di Masjid al-Haram. Beliau juga dikatakan banyak berpuasa sewaktu dalam perjalanan menuju Kaabah dan juga ketika berada di Mekah.<sup>97</sup>

#### 2.2.5 Pekerjaan beliau sewaktu hidup

Dengan kelebihan dan keluasan ilmu yang ada terutama dalam bidang fiqh al-Shāfi'ī, beliau memanfaatkannya dengan mengajar kepada umat Islam

---

<sup>94</sup> Dr. Muni' 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1978), *op.cit.*, h. 260.

<sup>95</sup> Muḥammad al-Khaṭīb al-Shirbīnī (t.t), *op.cit.*, j.4, h.57.

<sup>96</sup> Abd al-'Azīm Aḥmad al-Ghabāsyī (1971), *Tārīkh al-Tafsīr Manāhij al-Mufasssīrīn*, Kaherah: Dār al-Ṭabā'at al-Muḥammadiyah, h. 75.

<sup>97</sup> Dr. Muni' 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1978), *op.cit.*, h. 260.

yang lain. Contohnya sewaktu dalam perjalanan ke Kaabah untuk menunaikan ibadah haji, beliau akan mengajar berkaitan dengan ibadah haji kepada para jemaah haji yang lain. Beliau juga mengajar jemaah haji dengan adab-adab musafir yang telah digariskan dalam Islam. Selain daripada itu, beliau juga mengajar para jemaah tentang solat qasar dan jamak ketika musafir ke Kaabah.<sup>98</sup>

Begitulah kedudukan beliau dalam aktiviti kemasyarakatan. Ilmu yang dipelajari tidak disimpan, bahkan disebarakan kepada orang ramai. Walaupun begitu, beliau sebenarnya bukanlah seorang yang gah atau masyhur dalam masyarakat kerana beliau seorang yang hidup zuhud. Dalam kitab-kitab yang berkaitan tentang sejarah hidup beliau, telah ditulis bahawa beliau bukanlah seorang yang masyhur walaupun aktif dalam masyarakat. Maksud tidak masyhur di sini ialah beliau hidup membelakangi dunia (zuhud dari kemewahan dunia) dan tidak mengejar kedudukan. Namun beliau tidak berhenti dari berkhidmat kepada masyarakat dalam memberikan hukum-hukum.<sup>99</sup> Beliau pernah bekerja di *Bīmāristān*<sup>100</sup> sebelum memulakan penulisan kitab tafsirnya.<sup>101</sup>

---

<sup>98</sup>Dr. Muni‘ ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1978), *op.cit.*, h. 259-260.

<sup>99</sup>*Ibid.*, h. 260.

<sup>100</sup>Kalimah *bīmāristān* atau *māristān* berasal dari kalimah Parsi iaitu *bīmār* (sakit) dan *sitān* (tempat atau hospital). Ia merujuk kepada hospital sakit jiwa. *Bīmāristān* Islam yang pertama dibina di Damsyik oleh Khalifah al-‘Umayyī al-Walīd bin ‘Abd al-Malik (86-96 H / 705 – 715 M) sebagai tempat untuk orang yang menghidap penyakit sopak dan orang-orang buta. *Bīmāristān* yang masyhur di Mesir ialah yang dibina oleh Sultan al-Mansūr Qalāwūn pada tahun 683 H (1283 M) dan dikenali sebagai *al-Bīmāristān al-Mansūrī*. Terdapat 4 bahagian dalam *Bīmāristān* ini iaitu bahagian luka, bahagian sakit jiwa, bahagian penyakit wanita dan bahagian sakit mata. Aḥmad ‘Atiyatullah (1963), *op.cit.*, j.2, h. 413.

<sup>101</sup>al-Khaṭīb al-Syirbīnī (2004), *op.cit.*, j.1, h. 21.

## 2.2.6 Kedudukan dan pujian

Ahli sejarah telah menukilkan bahawa penduduk Mesir telah bersetuju tentang kesalehan beliau dalam ilmu dan amal serta mensifatkannya sebagai seorang yang zuhud dan warak serta banyak beribadah kepada Allah.<sup>102</sup> Tidak seorang pun pada zamannya menyebut tentang keburukan beliau dan tiada seorang pun yang hasad terhadap kurniaan Allah kepadanya berkenaan ilmu dan harta.<sup>103</sup>

## 2.2.7 Guru-guru beliau

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī terkenal sebagai seorang yang *faqih*, ahli tafsir, ahli kalam, ahli nahu dan ahli *ṣorof*.<sup>104</sup> Ini menunjukkan terkumpul pada diri beliau beberapa ilmu yang dipelajari dan dikuasai iaitu ilmu fiqh, ilmu tafsir, ilmu kalam, ilmu nahu dan ilmu *ṣorof*.

Beliau mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang fiqh al-Shāfi'ī dan ilmu *bayān al-'Arabī*. Beliau dikatakan seorang yang warak, zuhud dan tidak banyak bergaul dengan orang lain kerana masanya lebih banyak ditumpukan dalam bidang ilmu dan beribadat kepada Allah.<sup>105</sup> Fitrahnya digilap dengan ilmu-ilmu agama sehingga apabila melihat kehidupannya didapati beliau merupakan *kibār al-'ulama'*.<sup>106</sup>

---

<sup>102</sup> Dr.Muni' 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1978), *op.cit.*, h. 260.

<sup>103</sup> Muḥammad al-Khaṭīb al-Shirbīnī (t.t), *op.cit.*, j.4, h. 547.

<sup>104</sup> 'Umar Reḍā Kaḥḥalah (1957), *op.cit.*, j. 7, h. 269.

<sup>105</sup> 'Abd al-Qādir Zamāmah (*et.al*) (1997), *Mu'jam Tafāsīr al-Qur'ān al-Karīm*, ASESCO: Mansyūrāt al-Munazzamah al-Islāmiyyah li Tarbiyyah wa al-'Ulūm wa al-Thaqāfah, h. 807.

<sup>106</sup> Dr.Muni' 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1978), *Manāhij al-Mufasssīrīn*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Miṣr, h. 259.

Dalam usaha mendalami ilmu-ilmu Islam, terlihat kemuliaan beliau dan luas pengetahuannya sehingga diakui oleh guru-gurunya sebagai seorang yang pemurah dan luas pengetahuannya dalam ilmu fiqh al-Shāfi‘ī. Beliau telah belajar daripada beberapa ulamak yang masyhur. Antara guru-guru beliau ialah:

- 1) Al-Shaykh Aḥmad al-Burullusī<sup>107</sup> al-Miṣr al-Shāfi‘ī. Beliau dikenali sebagai ‘Amīrah. Seorang yang *faqih* dan terkenal sebagai seorang yang zuhud, warak dan banyak mengajar serta memberi fatwa. Antara penulisannya ialah *Ḥāsyiyah ‘Alā Sharḥ Minhāj al-Ṭālibīn Li al-Mahallī*. Beliau meninggal dunia pada tahun 1550 Masihi (957 Hijrah).<sup>108</sup>
- 2) Al-Shihāb al-Ramlī.<sup>109</sup> Nama penuhnya ialah Aḥmad bin Ḥamzah al-Ramlī, Shihāb al-Dīn. Seorang yang *faqih* dalam mazhab al-Shāfi‘ī. Berasal dari Ramlah al-Manufiyyah (Mesir) dan meninggal dunia di Kaherah pada tahun 1550 Masihi (957 Hijrah).<sup>110</sup> Antara kitab yang pernah dihasilkan oleh beliau ialah *Fathḥ al-Jawād bi Sharḥ Manzumah Ibn al-‘Imād* dan *al-Fatāwā* yang dikumpulkan oleh anaknya yang bernama Shams al-Dīn Muḥammad. Beliau adalah seorang imam mazhab al-Shāfi‘ī yang masyhur dan juga guru kepada Ibn Hajar al-Haitamī. Beliau mempunyai anak yang bernama Shams al-Dīn Muḥammad al-Ramlī, juga fuqaha’ dalam mazhab al-Shāfi‘ī dan guru di masjid jamik al-Azhar.<sup>111</sup>

---

<sup>107</sup> *Ibid.*

<sup>108</sup> Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1979), *op.cit.*, j. 1, h. 103.

<sup>109</sup> Dr. Muni‘ ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1978), *op.cit.*, h. 103.

<sup>110</sup> Khayr al-Dīn al-Ziriklī (1979), *op.cit.*, j.1, h. 120.

<sup>111</sup> Muḥammad ‘Ārif ‘Abd al-Qādir al-Natlī (1952), *Sejarah Hidup Imam al-Syafei*, T.T.P., h. 134.

- 3) Al-Nūr al-Mahallī.<sup>112</sup>
- 4) Al-Nūr al-Ṭahawānī.<sup>113</sup>
- 5) Al-Shams Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān bin Khalīl al-Nushukī al-Kurdī.<sup>114</sup>
- 6) Al-Badr al-Masyhadī.<sup>115</sup>
- 7) Al-Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Tablāwī.<sup>116</sup>
- 8) Abū Yaḥya Zakariyā al-’Anṣārī<sup>117</sup>
- 9) Al-Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Liqānī<sup>118</sup>

### 2.2.8 Murid-murid beliau

Setakat kajian ini, penulis tidak menjumpai murid-murid kepada beliau. Maklumat yang ada pada penulis ialah anaknya yang bernama Zayn al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin al-Khaṭīb al-Shirbīnī. Anak beliau dikatakan belajar daripada beliau yang juga merupakan seorang ahli fiqh yang terkemuka.<sup>119</sup>

### 2.2.9 Karya beliau

Sepanjang hidup beliau, beberapa penulisan terhasil dan ia merupakan satu sumbangan kepada khazanah dunia ilmuan Islam. Antara kitab yang telah dihasilkan oleh beliau ialah:

<sup>112</sup>Muni‘ ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd Dr. (1978), *op.cit.*, h. 259.

<sup>113</sup>Abī al-Falāh ‘Abd al-Ḥay bin al-‘Imād al-Hanbalī (1351 H), *op.cit.*, j.8, h. 384.

<sup>114</sup>*Ibid.*

<sup>115</sup>*Ibid.*

<sup>116</sup>*Ibid.*

<sup>117</sup>Muḥammad al-Khaṭīb al-Shirbīnī (t.t), *Mughni al-Muḥtaj ilā Ma’rifat Ma’ani ‘Alfāz al-Minhaj*, j.4, Dār al-Fikr, h. 547.

<sup>118</sup>*Ibid.*

<sup>119</sup>Aḥmad ‘Atiyatullah (1963), *op.cit.*, j.4, h. 292.

- 1) Sebuah kitab tafsir telah yang diberi nama *al-Sirāj al-Munīr fī al-I‘ānah ‘Alā Ma‘rifat Ba‘d Ma‘ānī Kalām Rabbinā al-Hākīm al-Khabīr*. Kitab ini dikenali dengan nama tafsir al-Khatīb al-Shirbīnī yang terdapat dalam empat juzuk.<sup>120</sup> Kitab ini telah dicetak di Kaherah pada tahun 1285 H / 1868 M.<sup>121</sup>
- 2) *Al-Iqna‘ fī ḥāl Alfāz ‘Abī Suja‘* pada tahun 982 Hijrah. Ia terdapat dalam 2 juzuk.<sup>122</sup> Kitab ini dicetak di Kaherah pada 1284 H / 1867 M.<sup>123</sup>
- 3) Sebuah kitab balaghah yang bernama *Taqrīrāt al-Shirbīnī ‘Alā al-Matūl* dan dihasilkan di Mesir.<sup>124</sup>
- 4) *Sharḥ ‘Alā Kitāb Ghāyah al-Taqrīb*. Iaitu sebuah kitab yang mensyarahkan kitab *Al-Iqna‘ fī ḥāl Alfāz ‘Abī Suja‘*.<sup>125</sup>
- 5) Dalam ilmu nahu. Iaitu sebuah kitab syarah yang dinamakan *Sharḥ Shawāhid al-Qadr* yang dicetak di Hijr, Mesir pada tahun 1283 Masihi.<sup>126</sup> Seterusnya ia dicetak oleh cetakan al-Sharfiyyah pada tahun 1298 Masihi, cetakan ‘Uthmān ‘Abd al-Razāk pada tahun 1304 Masihi dan cetakan al-Wahbiyyah pada tahun 1311 Masihi.
- 6) Dalam bidang ilmu fiqh. Iaitu sebuah kitab yang bernama *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, sebuah kitab syarah kepada kitab *Minhāj al-Ṭalibīn Li al-Nawawī*.<sup>127</sup>

<sup>120</sup> Yūsuf al-Yāh Sarkīs (1928), *op.cit.*, j. 1, h. 1108.

<sup>121</sup> Aḥmad ‘Atiyatullah (1963), *op.cit.*, j.2, h. 261.

<sup>122</sup> Yūsuf al-Yāh Sarkīs (1928), *op.cit.*, j. 1, h. 1108.

<sup>123</sup> Aḥmad ‘Atiyatullah (1963), *op.cit.*, j.2, h. 261.

<sup>124</sup> Yūsuf al-Yāh Sarkīs (1928), *op.cit.*, j. 1, h. 1108.

<sup>125</sup> *Ibid.*

<sup>126</sup> *Ibid.*

<sup>127</sup> *Ibid.*



- 7) *Al-Fath al-Rabbānī Fī Ḥal Alfāz Tasrif ‘Iz al-Dīn al-Zanjānī.*<sup>128</sup>
- 8) *Fath al-Khāliq al-Mālik Fī Ḥal Alfāz Kitāb ‘Alfiyyah Ibn Mālik.*<sup>129</sup>
- 9) *Sharḥ Minhāj al-Dīn Li al-Jurjānī Fī Syu ‘ba al-Imān.*<sup>130</sup>
- 10) *Manāsik al-Ḥaj.*<sup>131</sup>

#### 2.2.10 Kewafatan.

Menurut ‘Umar Reda Kahhalah dalam kitab Mu‘jam al-Mu’allifin, al-Khaṭīb meninggal dunia pada 2 Sya‘ban tahun 977 Hijrah bersamaan 1570 Masihi.<sup>132</sup> Beliau dikatakan meninggal pada hari Khamis selepas waktu Asar.<sup>133</sup>

### 2.3 Pengenalan kitab *al-Sirāj al-Munīr*

#### 2.3.1 Faktor-faktor penulisan kitab.

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah mencatatkan sejarah penulisan kitab ini di dalam mukaddimah kitab beliau. Bermula dengan lintasan hati beliau untuk sama-sama berada di jalan umat salaf dalam bidang penulisan. Namun beliau pada awalnya ragu-ragu untuk berbuat demikian kerana takut seandainya termasuk dalam golongan yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya:

من قال في القرآن برأيه (بغير علم) فليتبوأ مقعده من النار<sup>134</sup>

<sup>128</sup> ‘Umar Reḍā Kaḥḥalah (1957), *op.cit.*

<sup>129</sup> *Ibid.*

<sup>130</sup> *Ibid.*

<sup>131</sup> *Ibid.*

<sup>132</sup> ‘Umar Reḍā Kaḥḥalah (1957), *op.cit.*, h. 269.

<sup>133</sup> Abī al-Falāḥ ‘Abd al-Ḥay bin al-‘Imād al-Hanbalī (1351 H), *op.cit.*, j.8, h. 384.

<sup>134</sup> Muḥammad bin ‘Isā (1999), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥiḥ wa huwa Sunan al-Tirmīzī*, Kitāb al-‘Ilm, Bab mā jā’a fī allazī yufassir al-Qur’ān bi ra’y, no.hadis 2950. Kata al-Tirmīzī: hadis ini hadis ḥasan ṣaḥiḥ.

Maksudnya: ” Sesiapa yang berkata-kata tentang al-Quran menurut akalinya (tanpa ada ilmu), maka tempat duduknya di neraka”.

Pada tahun 961 hijrah beliau telah menziarahi makam Rasulullah s.a.w. Beliau telah menunaikan solat istikharah di *raudah* Rasulullah s.a.w. dan memohon kepada Allah supaya dipermudahkan urusan. Lalu Allah melapangkan dadanya untuk meneruskan niat beliau. Apabila beliau pulang daripada *safarnya*, seorang sahabat telah berkata kepada beliau : ”Aku telah bermimpi bahawa sama ada Rasulullah s.a.w. atau Imam al-Shāfi‘ī telah berkata kepadaku : katakanlah kepada si fulan supaya membuat tafsiran al-Quran”.

Sewaktu beliau menjawat jawatan sebagai *wazīfah musyaykhakh tafsīr* di *al-Bīmāristān*, sahabat-sahabat beliau telah meminta supaya beliau membuat tafsiran yang sederhana. Maksud sederhana di sini ialah tafsiran yang tidak panjang berjela-jela hingga menjemukan dan tidak terlalu pendek hingga tiada isi. Inilah yang mendorong beliau untuk menulis tafsir al-Quran dan menamakan tafsirannya sebagai *al-Sirāj al-Munīr Fī al-I‘ānah ‘Alā Ma‘rifah Ba‘da Ma‘āni Kalām Rabbīnā al-Hakīm al-Khabīr*.<sup>135</sup>

### 2.3.2 Metodologi penyusunan kitab

Kitab ini dimulakan dengan mukaddimah daripada pengarang kitab. Dalam mukaddimah, al-Khaṭīb al-Shirbīnī telah mencatatkan manhaj yang digunakan dalam tafsirannya. Beliau telah menerangkan secara ringkas manhaj yang digunakannya iaitu satu tafsiran yang ringkas dengan membawa pendapat-

---

<sup>135</sup> Al-Khaṭīb al-Shirbīnī (t.t), *al-Sirāj al-Munīr fī al-I‘ānah ‘Alā Ma‘rifah Ba‘da Ma‘āni Kalām Rabbīnā al-Hakīm al-Khabīr*, j.1, h.3.

pendapat yang rajih sahaja, memberikan *i'rāb* kalimah apabila diperlukan, meninggalkan perbincangan yang panjang yang menyebut kata-kata yang kurang sesuai dan mendatangkan *qirā'at* al-Qur'an iaitu meliputi *qirā'at* tujuh yang masyhur.<sup>136</sup>

Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī memberi komentar tentang metodologi pentafsiran al-Khaṭīb. Al-Dhahabī berpendapat bahawa tafsiran al-Khaṭīb adalah satu tafsiran yang ringkas tapi banyak pengajarannya. Juga satu tafsiran yang tidak panjang menjemukan dan tidak pendek hingga tiada isi. Al-Khaṭīb juga menukikkan sebahagian daripada tafsiran-tafsiran ulama salaf dan adakalanya beliau mengambil kata-kata al-Zamakhsharī, al-Bayḍāwī dan al-Baghawī.<sup>137</sup>

Seterusnya kitab ini terdiri daripada 4 jilid yang mengandungi pentafsiran ayat-ayat al-Quran dari semua surah mengikut urutan surah dalam *muṣhaf 'Uthmānī*. Jilid-jilid tersebut ialah:

- i- Jilid pertama : tafsiran daripada surah al-Fātihah hingga *surah* al-Taubah.
- ii- Jilid kedua : tafsiran daripada surah Yūnus hingga surah al-Furqān.
- iii- Jilid ketiga: tafsiran daripada surah al-Shu'arā' hingga surah al-Jāthiah.
- iv- Jilid keempat : tafsiran daripada surah al-'Ahqāf hingga surah al-Nās.

Kitab *al-Sirāj al-Munīr* telah ditahqiq oleh Aḥmad 'Izzū 'Ināyah al-Dīmshaqī yang mengandungi 8 jilid. Jilid-jilid tersebut ialah:

---

<sup>136</sup> *Ibid.*

<sup>137</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j.1, h. 348.

- i- Jilid pertama : tafsiran daripada sūrah al-Fātiḥah hingga sūrah al-Nisa’.
- ii- Jilid kedua : tafsiran daripada sūrah al-Mā’idah hingga sūrah al-Taubah.
- iii- Jilid ketiga : tafsiran daripada sūrah Yūnus hingga sūrah al-’Isrā’.
- iv- Jilid keempat : tafsiran daripada sūrah al-Kahf hingga sūrah al-Furqān.
- v- Jilid kelima : tafsiran daripada sūrah al-Shu‘arā’ hingga sūrah al-Ahzāb.
- vi- Jilid keenam : tafsiran daripada sūrah Saba’ hingga sūrah al-Jāthiah.
- vii- Jilid ketujuh : tafsiran daripada sūrah al-Ahqāf hingga sūrah al-Talāq.
- viii- Jilid kelapan : tafsiran daripada sūrah al-Tahrim hingga sūrah al-Nās.

Metodologi penyusunan yang digunakan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī dalam kitabnya ialah:

- i- Tafsiran ayat demi ayat: Beliau mentafsirkan keseluruhan ayat dalam al-Quran mengikut susunan *mushaf ‘Uthmānī* iaitu bermula dari surah al-Fātiḥah hingga surah al-Nās.
- ii- Beliau menyebut kedudukan surah sama ada ayat *makiyyah* atau ayat *madaniyyah* ketika mengemukakan tajuk sesuatu surah.

Contohnya :

<sup>138</sup> سورة البقرة مدنية

- iii- Al-Khaṭīb juga menyatakan jumlah ayat dalam sesuatu surah itu dan kebanyakan surah dinyatakan bilangan huruf yang terkandung di dalamnya. Contohnya:

<sup>139</sup> سورة البقرة مدنية وهي مائتان وسبع وثمانون آية

<sup>138</sup> Al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *op.cit.*, j.1, h. 38.

<sup>139</sup> *Ibid.*

سورة النساء مدنية مائة و خمس أو ست أو سبع وسبعون آية وثلاثة  
آلاف وخمس وأربعون كلمة وستة عشر ألف حرف وثلاثون  
حرفاً<sup>140</sup>

- iv- Ketika menerangkan sesuatu perkara, al-Khatīb menggunakan metod dialog (soal jawab) dengan menggunakan kalimah *فإن قيل* dan *أجيب*.
- v- Al-Khatīb menggunakan kalimah *tanbīh* (تنبيه) dan *fā'idah* (فائدة) untuk menerangkan lebih lanjut sesuatu tafsiran ayat.

### 2.3.3 Sumber rujukan beliau

Al-Khaṭīb banyak menukilkan kata-kata daripada tafsiran al-Fakhr al-Rāzī.<sup>141</sup> Antara kitab-kitab tafsir yang mungkin menjadi rujukan al-Khatīb al-Shirbīnī ialah:

- 1- *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* oleh Imam al-Bayḍāwī.
- 2- *Maḥātib al-Ghayb* oleh Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī.
- 3- *Ma'ālim al-Tanzīl* oleh Imam al-Baghawī.
- 4- *Madārik al-Tanzīl wa Haqā'iq al-Ta'wīl* oleh Imam al-Nasafī.
- 5- *Tafsīr al-Kashāf* oleh Imam al-Zamakhsyarī.

### 2.3.4 Keistimewaan tafsir *al-Sirāj al-Munīr*

<sup>140</sup> *Ibid.*, j.1, h. 434.

<sup>141</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *op.cit.*, j. 1, h. 352.

Kitab *al-Sirāj al-Munīr* ini merupakan karya yang amat bernilai yang ditulis oleh al-Khatīb al-Shirbīnī yang memerlukan ketajaman fikiran beliau. Beliau sendiri pernah mengungkapkan kebimbangannya untuk terlibat dalam bidang tafsir al-Quran kerana bimbang termasuk dalam golongan yang dinyatakan dalam hadis (من قال في القرآن برأيه (بغير علم) فليتبوأ مقعده من النار). Antara keistimewaan kitab ini ialah; pertama: menggunakan pendekatan *al-tahlīlī* iaitu tafsiran yang merangkumi ayat demi ayat mengikut susunan surah-surah muṣḥaf ‘Uthmānī. Kedua: Al-Khatīb al-Shirbīnī juga merujuk kitab-kitab tafsir yang muktabar. Ketiga: beliau menggunakan pendekatan soal jawab untuk menarik minat pembaca dan ianya merupakan satu pendekatan yang jarang-jarang dilakukan oleh ahli tafsir yang lain. Keempat: Al-Khatīb al-Shirbīnī membawa hadis-hadis Rasulullah dan adakalanya beliau menyatakan martabat hadis tersebut untuk memudahkan pembaca membuat penilaian.

Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī dalam kitabnya yang bertajuk *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’an* telah menulis bahawa kitab *al-Sirāj al-Munīr* merupakan kitab yang besar kerana mengandungi tiga perkara iaitu mengemukakan dalil-dalil atau bukti-bukti dan mentaujihkannya, perbincangan tentang munasabat antara surah dan ayat dan membentangkan banyak kisah-kisah dan riwayat-riwayat.<sup>142</sup>

---

<sup>142</sup> Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī (t.t.), *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’an*, j.2, Beirut: ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 68.

## 2.4 Kesimpulan

Dapat dirumuskan di sini bahawa biografi tentang al-Khatīb al-Syirbīnī tidak banyak diketahui. Ini berkemungkinan sifatnya yang tawaduk dan tidak suka kemasyhuran. Walaupun begitu hasil penulisan beliau menjadi rujukan kepada pencinta-pencinta ilmu dan masyarakat umum.